

AKTIVITI ISTILAH (FEKAH)

ISTILAH

Padankan istilah dengan maksud yang betul

3

Zakat Gakian dan Rikaz	Fisabil Lillah	Zakat Perniagaan
Muallaf	Pengurusan Jenazah	Amil
Fakir	Ibnu Sabil	Zakat
Fardu Ain		

Menguruskan jenazah dengan cara tertentu mengikut ketetapan syarak.

Zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada yang melibatkan barangan atau perkhidmatan.

Orang yang baharu masuk Islam.

Orang yang bermusafir dengan tujuan yang diharuskan syarak kemudian terputus perbelanjaan.

Orang yang tiada harta yang mencukupi untuk keperluan dirinya termasuklah makanan, minum, pakaian dan tempat tinggal.

Bahan galian yang dikeluarkan dari bumi, diproses dan menghasilkan logam galian.

Orang yang berjuang di jalan Allah SWT.

Mereka yang dilantik oleh pemerintah untuk mengumpul dan mengagihkan zakat.

Tuntutan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT ke atas setiap orang Islam yang mukallaf dan sekiranya tuntutan ini tidak dilaksanakan maka individu tersebut akan berdosa.

Mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak.